

HUKUM MAKAN DI RESTORAN TIADA LOGO HALAL

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3
62100 Putrajaya, Malaysia.

Tel. No. : 03-8870 9000
Fax No. : 03-8870 9101 / 03-8870 9102
Email : ukk@muftiwp.gov.my

MUKADIMAH

- Umat Islam perlu mengambil berat berkenaan status halal dan haram sebelum memilih sesuatu makanan atau minuman. Mencari yang halal merupakan satu kewajipan bagi setiap Muslim.


- Rasulullah SAW bersabda:

أَيُّهَا النَّاسُ! إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا. وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بما أمر به المرسلين. فقال: {يا أيها الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بما تعملون عليم}. وقال: {يا أيها الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ}. ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ. أَشْعَثَ أَغْبَرَ. يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ. يَا رَبِّ! يَا رَبِّ! وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ، وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ، وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ، وغذى بالحرام. فأنَّى يُسْتَجاب لِذَلِك؟

Maksudnya: "*Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Allah itu baik, tidak menerima melainkan yang baik. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan kepada orang mukmin dengan apa yang telah diperintahkan kepada para rasul*.

Firman Allah: "Wahai para rasul, makanlah daripada benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan." Firman Allah juga: "Wahai orang yang beriman, makanlah daripada benda-benda yang baik (halal) yang telah kami berikan kepada kamu." Kemudian Rasulullah SAW menceritakan keadaan seorang lelaki yang telah merantau jauh, kusut masai dan berdebu, sambil menadahkan kedua tangannya ke langit (berdoa): "Ya Tuhanku, Tuhanku", sedangkan makanannya haram, minumannya haram dan pakaiannya haram. Oleh yang demikian, bagaimana doanya akan dimakbulkan?"

(Riwayat Muslim)



- Antara ciri-ciri makanan dalam kategori haiwan yang halal dimakan ialah haiwan yang telah disembelih secara syarak serta tidak mengandungi sebarang campuran khinzir, lemak, gelatin atau daging daripada haiwan yang tidak disembelih secara syarak.

- Begitu juga makanan lain yang tidak berunsurkan arak. Semua perkara ini jelas disebutkan dalam firman Allah SWT berikut:

قُل لَّا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَن يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَّسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ ۚ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: "*Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi -kerana sesungguhnya ia adalah kotor-*

atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain daripada Allah". Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginginya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Surah al-An'am (145)

- Selain itu, status halal bukan sahaja dilihat berdasarkan bahan yang terkandung dalam makanan tetapi juga diambil kira tahap kebersihan, baik dan selamat selari dengan kaedah halalan toyyiban iaitu halal lagi baik. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنتُم بِهِ مُؤْمِنُونَ

Maksudnya: "*Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman.*"

Surah al-Ma'idah (88)

KESIMPULAN

- ✓ Makan di restoran yang tidak mempunyai logo halal sama ada di pusat membeli-belah mahupun di tepi jalan adalah diharuskan selagi makanan tersebut diyakini tidak mengandungi bahan yang haram dan proses penyediaannya menepati kehendak syarak.

- ✓ Namun, dinasihatkan agar memilih restoran yang mempunyai logo halal yang diiktiraf oleh pihak berautoriti tempatan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bagi mengelakkan sebarang keraguan.

IKUTI KAMI:

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan

t.me/jmwprasmi

@jabatanmuftiwp